

13 AUG 1998

Sabbaruddin-Komanwel

PELANCONG SEMASA SUKAN KOMANWEL DIJANGKA SUMBANG RM100 JUTA

KUALA LUMPUR, 13 Ogos (Bernama) -- Negara dijangka memperolehi pendapatan lebih RM100 juta hasil daripada kemasukan pelancong sepanjang Sukan Komanwel ke-16 bulan depan, kata Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik.

Beliau berkata anggaran itu berdasarkan anggaran 60,000 hingga 70,000 pelancong melawat negara sepanjang tempoh sukan itu yang akan berlangsung pada 11-21 Sept dan mereka dianggar berbelanja purata RM1,562 seorang semasa tinggal di negara ini.

Pendapatan itu hanya 8 peratus daripada anggaran pendapatan keseluruhan RM12.8 bilion yang disumbangkan oleh sektor pelancongan pada tahun ini, katanya semasa persidangan media mengenai Pesta Malaysia '98, di sini hari ini.

Menurut beliau Kuala Lumpur '98 Sukan Komanwel ke-16 itu memberi kesan positif kepada negara dalam jangka panjang kerana ia membantu memperkenalkan Malaysia kepada pelancong luar.

"Pendapatan sebanyak lebih RM100 juta hanya daripada segi jangka pendek dan pada jangka panjang Kuala Lumpur '98 akan menghasilkan pulangan pendapatan berlipat kali ganda," katanya.

Menurut Sabbaruddin kementeriannya membelanjakan RM90 juta pada tahun ini bagi tujuan mempromosikan negara kepada pelancong.

Kata beliau kementerian akan menganjurkan Pesta Malaysia '98 selama dua minggu antara 12 dan 26 Sept bertujuan memberi pendedahan kepada pelancong tentang kekayaan kebudayaan dan kesenian negara ini.

Pesta yang diadakan sempena Kuala Lumpur '98 itu akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 13 Sept di Dataran Merdeka, katanya.

Beliau berkata kementerian itu telah mengenal pasti beberapa kawasan di sekitar Pasar Budaya, Jalan Tuanku Abdul Rahman dan Dataran Merdeka sebagai tempat yang akan diadakan pertunjukan kebudayaan dan kesenian sepanjang pesta itu.

-- BERNAMA

NY NMO